

# Najib dibidas isu 1MDB

Tindakan bekas PM dakwa hutang pelaburan tidak ditanggung rakyat mengelirukan

Oleh Rohaniza Idris dan Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dua bekas Perdana Menteri menggunakan perbincangan Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong untuk membidas ucapan Datuk Seri Najib Razak, berhubung isu syarikat pelaburan strategik, 1Malaysia Development Bhd (1MDB) di Dewan Rakyat.

Tan Sri Muhyiddin Yassin (PN-Pagoh) berkata, Dewan Rakyat dicemarkan oleh kenyataan Ahli Parlimen Pekan berkenaan hutang 1MDB yang didakwa tidak dibayar menggunakan wang rakyat.

"Hutang 1MDB dijamin oleh kerajaan. Apabila 1MDB gagal membayar hutang, termasuk faedah yang keseluruhannya berjumlah lebih RM50 billion, maka kerajaanlah yang terpaksa membayar hutang-hutang ini," katanya semalam.

Minggu lalu, Najib mengingatkan ahli Dewan Rakyat, jangan memberikan alasan hutang 1MDB sebagai merosakkan kewangan negara kerana tiada satu sen pun hutang 1MDB dibayar oleh kerajaan.

Muhyiddin berkata, seperti yang dijelaskan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz pada 3 Mac lalu, setakat akhir Februari 2022, jumlah hutang 1MDB yang masih perlu dibayar bernilai RM38.8 billion, merangkumi RM32.3 billion hutang prinsipal dan RM6.5 billion faedah hutang.

## Bekas PM digesa beri penjelasan

**Kuala Lumpur:** Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Azhar Azizan Harun meminta Ahli Parlimen Pekan, Datuk Seri Najib Razak mengemuka penjelasan berhubung dakwaan beliau mengeluarkan kenyataan mengelirukan Dewan Rakyat, minggu lalu.

Azhar memaklumkan Najib perlu memberi penjelasan esok, berkenaan perbincangannya yang menyentuh mengenai isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan kewangan negara.

"Sebagaimana amalan biasa, saya sudah menulis kepada Yang Berhormat Pekan untuk meminta penjelasan serta Menteri Kewangan untuk memberi penjelasan apa yang beliau katakan dalam dewan," katanya.

Katanya, Menteri Kewangan pada bulan Januari yang lalu turut memaklumkan, 'kerajaan sudah membayar hutang 1MDB berjumlah RM13.3 bilion.

"Maknanya, ini duit rakyatlah. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Pekan (Najib) oleh kerana kerajaan berjaya merampas semula sebahagian wang dan aset 1MDB yang telah dicuri, maka gunakanlah wang dan aset itu untuk membayar balik hutang 1MDB.

"Antara aset yang berjaya dirampas semula ialah sebuah kapal layar mewah bernilai AS\$130 juta, sebuah jet peribadi Bombardier bernilai AS\$35 juta dan aset-aset mewah milik anak tiri Pekan, iaitu sebuah *townhouse* bernilai £23.2 juta di London, sebuah rumah mewah bernilai AS\$17.5 juta di Beverly Hills dan sebuah kondominium mewah bernilai AS\$35.5 juta di New York.

"Kesemua aset-aset ini tentunya dibeli bukan untuk tujuan pelaburan yang menguntungkan 1MDB, sebaliknya dikeroyok oleh orang-orang yang rapat dengan Pekan menggunakan sebahagian wang berjumlah AS\$4.5 bilion yang dicuri dari 1MDB," katanya.

Muhyiddin berkata, ketika beliau menjadi Perdana Menteri, kerajaan menubuhkan Pasukan Petugas Khas untuk merampas semula wang dan aset 1MDB

yang dicuri.

"Semasa saya menjadi Perdana Menteri, saya telah mengarahkan Pasukan Petugas Khas ini untuk menjejak dan mendapatkan kembali wang dan aset 1MDB yang disorok di negara-negara asing.

"Saya difahamkan setakat ini, lebih RM20 billion wang dan aset 1MDB telah berjaya dirampas semula oleh kerajaan dan dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset yang akan digunakan untuk membayar sebahagian hutang 1MDB.

"Bayangkan jika Pekan masih Perdana Menteri. Saya tidak fikir dia akan tubuhkan sebuah Pasukan Petugas Khas untuk mencari wang dan aset 1MDB yang hilang kerana yang menghilangkan wang dan aset itu pun dia. Jadi, benarlah Pekan ini seorang yang cerdik. Cerdik berbohong," katanya.

Beliau berkata, kes Najib terkenal di seluruh dunia sebagai *the biggest scandal of the century* yang membabitkan rangkaian penyangak kewangan global atau *the plundering idiots* yang memalukan negara.

Sementara itu, Tun Dr Mahathir Mohamad (PEJUANG-Langkawi) dalam perbincangannya mendakwa Najib ada menulis surat kepada kerajaan, meminta dihadiahkan sebidang tanah atas jasanya sebagai Perdana Menteri.

Beliau mendakwa Najib menulis surat berkenaan sebanyak dua kali dan akhirnya diluluskan Kabinet selepas kali kedua surat itu dihantar.

"Dia buat surat kepada kerajaan. Saya tak dapat tentukan tarikh, tapi ini yang berlaku. Tiada perasaan malu kerana orang ini mendakwa tidak perlu malu.

"Minta duit daripada orang (mengapa nak malu) kerana curi duit pun dia tidak malu. Apa hendak malu kerana dia bos. Itulah sebenarnya yang berlaku," katanya menjawab celahan Khalid Samad (PH-Shah Alam) yang ingin mengetahui sama ada bekas Perdana Menteri (Najib) memohon tanah itu ketika kesnya dibicarakan di mahkamah.

Dr Mahathir berkata, bekas Perdana Menteri itu mendapat hadiah tanah itu ketika kesnya masih dibicarakan.

Dalam perbincangan yang sama, Dr Mahathir turut mengkritik keputusan kerajaan yang melayan permohonan Najib tanpa merujuk kepada Dewan Rakyat dan peruntukan undang-undang sedia ada.

Katanya, tindakan itu seolah-olah kerajaan boleh berbuat apa saja keputusan tanpa mengikut undang-undang.

Dr Mahathir berkata, tiada dalam peruntukan undang-undang atau Perlembagaan negara berhubung pemberian hadiah kepada bekas Perdana Menteri.

Katanya, beliau sendiri ada ditawarkan hadiah tetapi tidak mengambil walaupun ditawarkan sekeping tanah.

"Ketika menjadi Perdana Menteri gaji saya RM20,000 lebih daripada cukup. Bahkan, kerajaan juga beri segala yang diperlukan.

"Saya tidak ambil barang satu sen pun. Tetapi bila datang ke Perdana Menteri Ketujuh, berasas kepada apa yang diberikan kepada Perdana Menteri Kelima sebanyak RM70 juta, dia minta lebih, kerana jasanya banyak. Dia curi lebih banyak?" katanya.